




KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 11/2022 dari 13 Mac hingga 19 Mac 2022)

Pada minggu ke-11 tahun 2022, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah 592 berbanding 543 kes pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 49 kes (9.0%). Satu (1) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada minggu ke-11 tahun 2022. Kumulatif kes demam denggi sehingga kini adalah sebanyak 7,364 kes berbanding 6,560 kes bagi tempoh sama tahun 2021 iaitu peningkatan 804 kes (12.3%), manakala tiga (3) kematian denggi dilaporkan dan jumlah tersebut sama seperti tempoh yang sama pada tahun 2021. **(Lampiran A & C)**. Jumlah lokaliti hotspot pada minggu ini adalah sama dengan minggu sebelumnya, iaitu 22 lokaliti hotspot. Daripada jumlah tersebut, 20 lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor dan dua (2) lokaliti hotspot berada di WPKL & Putrajaya. **(Lampiran B & D)**.


Survelan chikungunya merekodkan sebanyak 19 kes pada minggu ke-11 dengan 15 kes dari WPKL & Putrajaya, dua (2) kes dari Selangor dan masing-masing satu (1) kes dari Kedah serta Perak. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 257 kes **(Lampiran E)**. Bagi surveilan zika, sebanyak 364 sampel darah dan empat (4) sampel urin telah dijalankan saringan dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Sempena pembukaan penuh sesi persekolahan bermula 21 Mac 2022, semua pihak perlu menumpukan usaha untuk mengurangkan risiko jangkitan demam denggi dalam kalangan pelajar dan warga sekolah. Waktu puncak gigitan nyamuk Aedes pada awal pagi dan lewat petang yang bersamaan dengan waktu pelajar berangkat ke sekolah bagi pelajar sesi pagi serta waktu pulang ke rumah bagi pelajar sesi petang mendedahkan risiko terhadap gigitan nyamuk Aedes. Oleh itu, pelajar sekolah serta warga sekolah digalakkan memakai bahan repelan nyamuk serta memakai pakaian yang menutup anggota badan bagi mengelakkan gigitan nyamuk Aedes. Selain itu, pastikan tempat menunggu bas atau kenderaan untuk ke sekolah bebas dari tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes. Pihak pengurusan sekolah juga perlu mengaktifkan semula fungsi Jawatankuasa Program Bebas Denggi Sekolah (PBDS) yang bertujuan untuk memastikan persekitaran sekolah termasuk asrama bebas dari ancaman demam denggi. Ambil peduli, demam denggi boleh mengancam nyawa. **Tiada Aedes, tiada denggi, chikungunya dan zika.**




TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia


28 Mac 2022




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi minggu ke-10 dan ke-11 tahun 2022



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga minggu ke-11 tahun 2022 dan tempoh sama tahun 2021



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2022, 2021 dan median 2017-2021



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi minggu ke-11 tahun 2022

BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 11/2022
(13 Mac hingga 19 Mac 2022)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 11/2022		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 11/2021	
		Minggu 11 (13 Mac – 19 Mac 2022)		Minggu 10 (6 Mac – 12 Mac 2022)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	0	0	0	0	6	0	3	0
2	Kedah	15	0	6	0	178	0	66	0
3	P. Pinang	3	0	6	0	89	0	118	0
4	Perak	7	0	16	0	129	0	149	0
5	Selangor	400	0	392	0	5,003	0	3,666	0
6	WP KL & Putrajaya	53	0	33	0	602	0	724	0
7	N. Sembilan	20	1	12	0	237	1	180	1
8	Melaka	8	0	8	0	128	0	246	0
9	Johor	20	0	16	0	268	0	646	1
10	Pahang	12	0	5	0	84	0	157	1
11	Terengganu	1	0	0	0	13	0	15	0
12	Kelantan	4	0	7	0	61	1	77	0
13	Sarawak	5	0	9	0	149	1	103	0
14	Sabah	44	0	33	0	412	0	408	0
15	WP Labuan	0	0	0	0	5	0	2	0
	MALAYSIA	592	0	543	0	7,364	3	6,560	3

Lampiran D

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 11/2022
(13 Mac hingga 19 Mac 2022)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Puncak 3 Taman Puncak Saujana	50	106
2	SELANGOR	Petaling	E6. BL PJU 10 Apt Idaman Fasa 1 (A,B,C,H,J,K,L,M,N)	27	78
3	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U5 (Pangsapuri Jasmin : Blok 1 - 6)	16	68
4	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Makmur Saujana Impian	14	67
5	SELANGOR	Petaling	E13. USJ 2/5	20	56
6	SELANGOR	Petaling	E1. Seksyen 13 (MSU)	17	56
7	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan KP 7-10 Taman Kajang Perdana	9	49
8	SELANGOR	Petaling	E7. KD PJU 5 Sek 4 Gugusan Mawar	17	46
9	SELANGOR	Petaling	E6. BL PJU 10 Apt Idaman Fasa 2 (D,E,F,G,O,P,Q,R,S)	12	45
10	SELANGOR	Petaling	E2. Seksyen 17 (Teres D : Jln 17/31 - 17/38)	13	44
11	SELANGOR	Petaling	E2. Seksyen 17 (Teres C : Jln 17/25 - 17/30)	7	42
12	SELANGOR	Petaling	E7. KD PJU 5 Sek 4 Gugusan Semarak	11	41
13	SELANGOR	Petaling	E6. BL PJU 9 SD 8	13	40
14	SELANGOR	Petaling	E7. KD PJU 5 Sek 6 Gugusan Cempaka	6	39
15	SELANGOR	Petaling	E13. USJ 11/2	11	36
16	SELANGOR	Petaling	E4. Seksyen U2 (Teres B : Jln U2/2 - 13)	8	35
17	SELANGOR	Petaling	E1. Seksyen 4 (Teres A : Jln 4/2 - 4/3)	11	34
18	SELANGOR	Petaling	E12. Tm PJS 3 Tmn Medan Baru (Teres 5) [Jln Medan 29,30,31,32]	15	33
19	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U5 (Puteri Subang : Jln U5/118 - U5/121b, Jln U5/AC, U5/AD & U5/AE)	9	32
20	SELANGOR	Petaling	E9. KT SS 2 (4) [Jln SS 2/72,74,74a, 2/75-2/87,2/89,2/91, 2/93]	4	32
21	WPKL	Cheras	Kem Sg.Besi (Jalan Labuan) Blok G1,G2,G3	5	32
22	WPKL	Kepong	PPR Batu Muda (Blok E, F Dan G)	4	31

Lampiran E

**KES MINGGUAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA MINGGU 11/2022
(DARI 13 MAC HINGGA 19 MAC 2022)**

Bil.	Negeri	Jumlah Kes Chikungunya ME 11/2022	Jumlah Kes Chikungunya ME 11/2021	Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2022 Sehingga ME 11/2022	Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2021 Sehingga ME 11/2021	Kumulatif Kes Chikungunya Bagi Tahun 2021
1	Perlis	0	0	0	0	3
2	Kedah	1	0	7	56	140
3	P. Pinang	0	0	5	9	77
4	Perak	1	19	4	78	180
5	Selangor	2	8	56	42	339
6	WP KL & Putrajaya	15	4	110	69	490
7	N. Sembilan	0	0	53	0	22
8	Melaka	0	1	2	12	29
9	Johor	0	7	2	24	97
10	Pahang	0	0	1	0	0
11	Terengganu	0	0	0	0	0
12	Kelantan	0	1	17	7	55
13	Sarawak	0	0	0	0	0
14	Sabah	0	0	0	0	0
15	WP Labuan	0	0	0	0	0
	MALAYSIA	19	40	257	297	1,432